

Headline **Pantai Holdings naik taraf operasi klinikal, kewangan**  
Date **11 May 2010**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Ekonomi**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**  
Page No **21**  
Article Size **200 cm<sup>2</sup>**  
Color **Black/white**  
ADValue **2,727**  
PRValue **8,182**



## Pantai Holdings naik taraf operasi klinikal, kewangan

**P**ANTAI Holdings Bhd akan menaik taraf infrastruktur rangkaian hospitalnya dengan menyepadukan operasi klinikal, kewangan dan pentadbiran menerusi satu sistem sejajar proses penjenamaan semulanya yang bermula tahun lalu.

Proses menaikkan taraf itu akan dilaksanakan menerusi projek Sistem Pengurusan Rekod dan Hospital Lengkap (Charms), iaitu sistem teknologi maklumat berpusat yang bakal mengukuhkan kedudukannya sebagai antara penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan bertaraf dunia.

Syarikat itu memilih dua rakan teknologi iaitu Eclipsys Corporation dan Revere Technologies Sdn Bhd (RevereTech) untuk menyediakan asas kepada modul sistem terbabit.

Pengerusinya, Tan Sri Mohamed Khatib Abdul Hamid, berkata sistem berkenaan yang akan mula dibangunkan bulan ini dijangka beroperasi sepenuhnya Septem-

ber tahun depan di dua hospital milik kumpulan itu, iaitu Hospital Pantai Kuala Lumpur dan Hospital Gleneagles Kuala Lumpur.

Katanya, projek Charms yang merangkumi beberapa fasa pembangunan akan dilaksanakan untuk tempoh jangka panjang merangkumi semua 10 hospital kendaliannya ketika ini.

"Proses menaikkan taraf ini dijangka mengambil masa 36 bulan membabitkan keseluruhan rangkaian hospital kendalian kami," katanya pada sidang media selepas menyaksikan majlis memeterai perjanjian antara Pantai Holdings dengan Eclipsys dan RevereTech di Petaling Jaya, semalam.

Pada majlis itu, Pantai diwakili Pemangku Ketua Eksekutif Kumpulannya, Dr Chan Boon Kheng, manakala Naib Presiden Kanan dan Pengerus Besar Eclipsys, Owen Haley dan Ketua Eksekutif RevereTech, Ravi Koka pula mewakili syarikat masing-masing.

Ia turut disaksikan Pengarah Pantai Holdings yang juga Pengarah Urusan Kumpulan Pantai Support Services Sdn Bhd, Faisal Ismail dan Ketua Pegawai Maklumat Kumpulan Pantai Holdings, Hisham Ismail.

Mohamed Khatib menjelaskan, reka bentuk Charms sebagai satu sistem asas berpusat secara teknikalnya membolehkan Pantai Holdings menyeragamkan operasi harian, sekali gus menangani kerumitan untuk mengendalikan rangkaian hospital kumpulan yang besar, selain meningkatkan standard hospitalnya yang lebih kecil.

Katanya, sistem berkenaan akan menyepadukan pengurusan pesakit, operasi pentadbiran dan proses klinikal menjadi satu penyelesaian cekap dan terurus.

Beliau juga berkata, menerusi pelaksanaan Charms, kumpulan itu dapat menjimatkan kos operasi yang membolehkannya menyalurkan penjimatan itu untuk te-

rus meningkatkan mutu perkhidmatan penjagaan kesihatannya.

"Sistem ini akan mempercepatkan akses terhadap data pesakit, mengurangkan tempoh pendaftaran masuk atau keluar pesakit serta meningkatkan mutu klinikal secara keseluruhannya," katanya.

Pantai Holdings adalah konglomerat penjagaan kesihatan yang kini mengendalikan 10 hospital di seluruh Malaysia di lokasi strategik seperti Lembah Klang, Pulau Pinang, Kedah, Perak, Melaka dan Johor.

**FAKTA NOMBOR**

**100,000**  
**pesakit**

Mendapatkan rawatan di 10 cawangan Hospital Pantai seluruh negara setiap tahun